

# Pandangan Ghafar bertentangan tradisi parti

UM 221 1 JUNI 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Azmi Khalid menyifatkan pandangan bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Ghafar Baba supaya jawatan timbalan presiden dipertandingkan, sebagai bertentangan dengan tradisi parti dan boleh membawa perpecahan besar kepada orang Melayu.

Beliau menegaskan, walaupun pertandingan bagi jawatan kedua tertinggi parti itu dibenarkan dalam perlembagaan tetapi ia boleh memberi kesan cukup besar terhadap kekuatan parti apabila berlaku perpecahan.

Malah, tegas beliau, pertandingan tersebut dianggap tidak sesuai dilakukan pada era ini kerana ia boleh menggalakkan berlakunya politik wang yang cukup hebat.

“Sejarah membuktikan UMNO telah berpecah dua dan berlaku politik wang yang cukup hebat apabila jawatan itu dipertanding-

kan beberapa kali,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ghafar yang berpendapat jawatan Timbalan Presiden wajar dipertandingkan pada pemilihan parti tahun depan memandangkan ia dibenarkan dalam perlembagaan.

## Mencabar

Sebelum ini, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara pada Oktober ini meminta semua ahli parti terutama tiga naib presiden mengekalkan tradisi dengan tidak mencabar Timbalan Perdana Menteri yang dicalonkan sebagai timbalan presiden.

Tiga Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib memberi perakuan tidak akan mencabar timbalan

presiden yang dilantik oleh presiden parti.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambil alih jawatan Presiden UMNO bagi menggantikan Dr. Mahathir, Oktober ini.

Azmi seterusnya berkata, perpecahan tidak akan dapat dielakkan jika tradisi mengekalkan jawatan timbalan presiden tidak dipertandingkan tidak dipatuhi oleh ahli-ahli parti.

Ghafar, tambah beliau, sepatutnya mengambil iktibar terhadap apa yang berlaku dalam pertandingan merebut jawatan tersebut antara Tan Sri Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah pada pemilihan 1987.

“Beliau sendiri mempunyai pengalaman tersendiri apabila dicabar oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1993,” katanya.

Selain itu, Azmi yang juga Ahli Parlimen Padang

Besar menolak desas-desus yang mengatakan beliau bakal menggantikan tempat Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai Menteri Besar Perlis selepas pilihan raya umum akan datang.

Perkara itu, tegas beliau, adalah hak pucuk pimpinan untuk membuat keputusan selepas pilihan raya nanti.

“Setakat ini, Shahidan berjaya membangunkan negeri terkecil itu dengan baik dan saya tidak nampak tempatnya perlu diganti dengan orang lain,” katanya.